

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Thursday, November 14, 2019 1:55 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: SIGG 2019 Tampil Keunikan Tersendiri Dalam Dunia Permainan



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

14 NOVEMBER 2019 / 17 RABIULAWAL 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Berita dan gambar oleh: ICC

SIGG 2019 TAMPIL KEUNIKAN TERSENDIRI DALAM DUNIA PERMAINAN



UUM ONLINE: Tidak hanya menjadi ruang pameran atau pertandingan *e-sport* biasa, penganjuran '*Sintok International Games and Gamification*' (SIGG) 2019 yang berlangsung pada 4 November lalu turut menjadi platform kepada perkembangan bakat baharu termasuk golongan pelajar sekolah rendah dalam membangunkan aplikasi dan mencipta permainan sendiri.

SIGG anjuran Pusat Inovasi dan Pengkomersilan (ICC) itu mempertandingkan lima kategori iaitu sekolah rendah, sekolah menengah, diploma dan sarjana muda serta institusi pengajian tinggi yang disekalikan dengan penyertaan awam.

Pengerusi SIGG 2019, Prof. Dr. Razamin Ramli berkata, pada penganjuran kali ini, SIGG telah melebarkan sayapnya apabila menerima sebanyak 152 pasukan termasuk Thailand, Jepun dan Indonesia.

"SIGG menampilkan keunikan tersendiri dalam dunia permainan serta '*e-games*' yang sering dipandang negatif oleh beberapa pihak.

"Kita mahu tunjukkan bagaimana permainan atau gamifikasi ini mampu mendatangkan kesan positif kepada semua pihak termasuk dari sudut pengajaran dan pembelajaran serta penjaan ekonomi," katanya.

Beliau berkata, ini merupakan kali ketiga SIGG dianjurkan dengan pihaknya menjalin kolaborasi bersama lima pusat pengajian di UUM iaitu Pusat Pengajian Pengkomputeran, Pusat Pengajian Sains Kuantitatif, Pusat Pengajian Pengurusan Industri Kreatif dan Seni Persembahan, Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden serta Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi bagi menjayakan program tersebut.

"Saya percaya penganjuran SIGG ini secara tidak langsung mempromosikan aspek sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) dalam kalangan peserta.

"Selain itu, mereka yang terlibat ini juga sebenarnya sudah mula membina peluang pekerjaan sendiri terutamanya melibatkan bidang keusahawanan. Insha Allah pada masa akan datang, kita akan menganjurkannya dengan skala lebih besar agar lebih ramai yang menerima manfaat daripada penganjuran program sebegini," katanya.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.